

LAPORAN TAHUNAN JABATAN PENYIARAN MALAYSIA 2014

Kandungan :

- i. Pengenalan :
 - Latar belakang
 - Visi, misi dan objektif RTM
 - Dasar dan Strategi 2015 - 2020
- ii. Bahagian Berita Ehwat Semasa (BES)
- iii. Bahagian Radio
- iv. Bahagian TV
- v. Bahagian Operasi Penyiaran
- vi. Bahagian Khidmat Pengurusan

i. **Pengenalan**

Latar belakang:

Jabatan Penyiaran Malaysia telah menempa sejarah selama 68 tahun sebagai media elektronik terulung dalam komunikasi negara. Peranan serta fungsi sebagai pemangkin, pemacu dan pelantar komunikasi berteknologi tinggi dalam membentuk acuan pemikiran rakyat dilaras dengan aspirasi negara untuk membangunkan modal insan dan melestarikan negara berkapasiti tinggi.

Selaras dengan konsep transformasi negara melalui teknologi komunikasi berdefinisi tinggi, Jabatan Penyiaran Malaysia melaraskan visi, misi serta objektif untuk merangkumi dan memastikan pelaksanaan Wawasan 2020 tercapai melalui pelan strategik jangka pendek dan panjang.

2014 merupakan tahun yang penuh cabaran bagi RTM sebagai sebuah badan penyiaran awam. Namun hasil perancangan inovatif bekas Ketua Pengarah Penyiaran, YBhg. Dato' Norhyati Ismail serta sokongan padu daripada pasukan pengurusan telah menghasilkan prestasi cemerlang dalam industri penyiaran domestik dan antarabangsa.

YBhg. Dato' Norhyati telah menerajui Jabatan Penyiaran dari **2011** hingga **2014** dengan melakar kejayaan demi kejayaan bagi Jabatan ini. Fokus ditumpukan kepada pembangunan sumber manusia dan infra seiring dengan tuntutan kepelbagaian tingkat kepakaran, untuk melonjakkan Jabatan ini dalam menakluki komunikasi berteknologi tinggi dan anjakan trend pasaran serta penonton yang dinamik.

Pada 17 Oktober 2014, Jabatan Penyiaran Malaysia sekali lagi menyaksikan perubahan tampuk pimpinan apabila YBhg. Dato' Abu Bakar bin Ab.Rahim dilantik sebagai Ketua Pengarah Penyiaran menggantikan YBhg. Dato' Norhyati Ismail yang bersara wajib.



(Dato' Abu Bakar bin Ab. Rahim)



(Dato' Norhyati Ismail)



Serah tugas 16 Oktober 2014, Auditorium Perdana, Angkasapuri

Visi

- Organisasi penyiaran terulung dan bertaraf dunia yang menjunjung Gagasan 1Malaysia

Misi

- Menyebar luas maklumat yang sahih, tepat dan mutakhir

Objektif

- Menjadi peneraju negara bangsa menerusi perkhidmatan penyiaran berteraskan gagasan 1Malaysia
- Memanfaatkan teknologi maklumat dan media baharu untuk jangkauan khalayak yang maksimum
- Memartabatkan penggunaan bahasa Melayu dalam membina negara bangsa

Dasar dan Strategi 2015 - 2020

Seiring dengan kepesatan pembangunan teknologi komunikasi dalam industri penyiaran, Pelan Strategik Jangka Pendek dan Panjang merupakan teras hala tuju serta landasan untuk memacu perkhidmatan dan penerbitan produk Jabatan ini. Oleh itu, satu pendekatan baharu melalui pemantapan Dasar dan Strategi Jabatan didokumenkan untuk mengatur dan mencatur operasi serta pencapaian Jabatan. Fokus ditumpukan kepada penambahbaikan dan pemantapan kandungan melalui pembangunan infra. Pemakaian Konsep Strategi Lautan Biru melalui penstrukturan semula operasi dan tenaga kerja untuk pencapaian optimum menjadi teras operasi. Juga, kaedah merekayasa produk untuk meluaskan pasaran dan jangkauan penonton menjadi '*flagship*' Jabatan untuk 2015-2020.

Bahagian Berita Ehwat Semasa (BES)

PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

Radio Televisyen Malaysia (RTM) mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila operasi Berita Ehwat Semasa dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001:2008 pada 26 Mac 2014. Skop pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Bahagian Berita Ehwat Semasa ialah pengurusan pengumpulan, penyuntingan, penerbitan dan penyampaian program berita ehwal semasa. Dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti ini, BES beriltizam menghasilkan program Berita Ehwat Semasa yang tepat, cepat dan mutakhir serta komited untuk meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti berasaskan MS ISO 9001:2008 secara berterusan.



Penerimaan sijil MS ISO 9001:2008 pada 6 Mac 2014 di Auditorium Perdana, Angkasapuri



OPERASI BES 2014 DI WISMA BERITA

Sebahagian besar operasi Bahagian Berita Ehwat Semasa telah mula berpusat di Wisma Berita. Terdahulu, bermula 6 Jun 2012 hanya Seksyen Ehwat Semasa, Seksyen Fasiliti Teknikal dan Unit Pentadbiran Bahagian Berita Ehwat Semasa beroperasi di bangunan 6 tingkat itu.

Pada September 2014, operasi Seksyen Berita Radio berpindah sepenuhnya ke Wisma Berita. Dengan itu siaran berita setiap jam dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris, bahasa Mandarin dan bahasa Tamil disiarkan dari Wisma Berita menggunakan enam studio berita radio dan bilik suntingan.

Selain itu, Wisma Berita juga menempatkan Pusat Sumber RTM yang turut merangkumi Perpustakaan Berita TV.

Wisma Berita dijangka beroperasi sepenuhnya apabila sistem automasi, peralatan studio dan beberapa peralatan sokongan lain dibekalkan sepenuhnya.



Wisma Berita RTM, Angkasapuri



Studio di Wisma Berita RTM

SEGMENT BERITA BES510

Sejajar dengan keperluan migrasi ke teknologi digital berdefinisi tinggi (HD), BES telah memperkenalkan BES510 iaitu satu segmen berita yang disiarkan selama 5 jam dari pukul 5.00 petang hingga 10.00 malam melalui TV1 sebanyak 5 hari seminggu dari Isnin hingga Jumaat. Ia mula bersiaran pada 1 September 2014.

BES510 adalah platform bagi melatih para petugas RTM sebagai persiapan sebelum saluran sepenuhnya berita beroperasi kelak. Segmen ini membolehkan berita dan maklumat yang sahih, tepat dan terkini disebarkan dengan pantas tanpa perlu menunggu slot siaran berita sebaliknya dibuat

berasaskan konsep waktu sebenar (*real time*) serta menyaingi kepantasan penyebaran maklumat dan berita melalui medium lain termasuk internet.

Laporan hasil kajian Media Analytics menunjukkan, secara purata BES510 mencatatkan bilangan penonton antara 800 ribu hingga 1.4 juta seminggu.



SKUAD ALFA RTM

Bagi memastikan BES menyediakan dan menguruskan isu atau kejadian luar jangka seperti bencana, satu pendekatan khusus dan praktikal telah diperkenalkan. Skuad Alfa RTM ditubuhkan pada 2008 untuk membuat liputan dan menyebarkan maklumat terkini ketika berlaku bencana.

Cabaran terhebat adalah ketika membuat liputan banjir besar yang melanda Kelantan pada Disember 2014. Skuad Alfa berada di lokasi selama 14 hari tanpa henti menyalurkan berita melalui TV dan radio secara bersepadu.

Selain liputan banjir, Skuad Alfa RTM juga menyebarkan maklumat berkenaan cuaca, gempa bumi, tanah runtuh, banjir, jerebu, ribut, paras air sungai, keadaan laut, air pasang dan bencana-bencana lain. Mereka juga bertanggung jawab menghebahkan panduan keselamatan sebelum, semasa dan selepas bencana serta memupuk kesedaran betapa pentingnya mematuhi arahan pihak berkuasa ketika bencana.

Skuad Alfa RTM telah membuat liputan bencana di dalam dan luar negara.



Barisan hadapan Skuad Alfa



Menemuramah Pengerusi Majlis Keselamatan Negara



Bersama peniaga di kawasan yang terjejas



Liputan banjir di RTM Kelantan

LIPUTAN MH 370 DAN MH 17

Sekali lagi, profesionalisme dan kepakaran petugas BES dicabar melalui liputan misteri kehilangan pesawat penerbangan MH370 dan tragedi MH17 yang dijatuhkan di Ukraine.

Untuk memastikan laporan kejadian lebih terperinci, BES mengambil pendekatan untuk menghantar pemberita ke Perth, Australia dan mengikuti

pencarian di Lautan Hindi bagi mendapatkan berita terkini tentang pencarian MH370. Dua orang petugas berita telah mengikuti pelayaran kapal GO Phoenix untuk memberikan liputan berita selama 30 hari pada Oktober 2014.

Sementara itu, seramai 80 petugas BES telah digerakkan untuk menyediakan laporan mengenai tragedi MH17 yang dijatuhkan di Donetsk, Ukraine pada 17 Julai 2014. Laporan terkini disiarkan setiap hari dari lokasi kejadian dan juga Amsterdam, Belanda melalui siaran Berita TV dan radio.



Lintas langsung misi pencarian MH370 dari Perth, Australia



Lintas langsung misi pencarian MH370 dari Canberra, Australia



Lintas langsung laporan tragedi MH17 dari Belanda

BAHAGIAN RADIO

Radio RTM melalui rangkaian 33 stesen di seluruh negara sentiasa meletakkan keutamaan sebagai penyiar radio yang berkualiti dalam menyebarkan luas informasi dan hiburan bermaklumat seiring permintaan semasa pendengar.

Bagi memenuhi matlamat tersebut, Radio RTM sentiasa memastikan program-program yang diatur adalah yang terbaik tanpa meminggirkan kepelbagaian kaum, bahasa dan dialek menerusi 6 stesen nasional, 19 stesen negeri dan 8 stesen tempatan dengan kategori program seperti bual bicara, drama, berita selain pesanan khidmat masyarakat (PSA) dan kempen-kempen kerajaan yang menjadi teras utama siaran.

Seiring dengan perkembangan teknologi, stesen radio RTM turut menggunakan platform media sosial seperti Facebook dan Twitter sebagai kaedah berkomunikasi secara terus dengan pendengar. Pendengar juga boleh mengakses siaran radio melalui RTM Mobile.



Tahun 2014 turut membuka dimensi baharu kepada pencapaian stesen radio RTM dengan kejayaan sebagai Naib Johan Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi peringkat kementerian. Radio RTM juga memperoleh anugerah seperti berikut :

BIL	ANUGERAH	SALURAN
1.	Juara Pertandingan Pantun RTM, DBP, DBKL sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2014	Radio Klasik
2.	DJ Ebby Halim & DJ Anisma <ul style="list-style-type: none"> ▪ 5 Penyampai Radio Terbaik Lelaki & Wanita Anugerah Bintang Popular anjuran Berita Harian. 	Radio Klasik
3.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Juara Bintang Radio ASEAN (Kategori Lelaki) dan Naib Juara (Kategori Wanita) 	Radio Klasik
4.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anugerah Malaysia Indian Business oleh Jabatan Perdana Menteri 	Minnal_fm
5.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Anugerah Radio Masyarakat Tamil oleh ASTRO 	Minnal_fm
6.	<ul style="list-style-type: none"> ▪ DJ Liang Kim Loong 5 Penyampai Radio Terbaik anjuran 	Aifm

	Media Berbahasa Cina dan Finalis Penyampai Bual Bicara Terbaik Berbahasa Cina	
7.	<ul style="list-style-type: none"> Finalis Kategori PSA Terbaik ABU Prizes 2014 – Treasure Your Life : MH370. 	TRAXXfm
8.	<ul style="list-style-type: none"> DJ Nicky dikategorikan sebagai Asia's Best Mixing DJ dan diiktiraf sebagai Top 5 Malaysian Club DJ 	TRAXXfm



Juara Pertandingan Pantun RTM, DBP, DBKL



DJ Abby Halim – Radio Klasik



DJ Anisma – Radio Klasik



DJ Nicky - TRAXXfm

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 1,007 program radio di lokasi dilaksanakan di seluruh Negara. Objektif inisiatif ini ialah merakatkan RTM iaitu mendekatkan RTM dengan masyarakat.

Antara program yang dijalankan ialah menjalin kerjasama dengan agensi-agensi korporat sebagai platform promosi bagi melaksanakan aktiviti di lokasi. Antaranya penganjuran bersama Keretapi Tanah Melayu (KTMB) melalui aktiviti Jelajah Merdeka dengan menaiki kereta api ke lima destinasi iaitu Perak, Pulau Pinang, Perlis, Johor dan Kelantan sempena sambutan bulan kemerdekaan 2014.





Sebagai stesen radio yang dekat di hati rakyat, program Jelajah Ramadan RTM yang dilaksanakan setiap tahun telah berjaya meletakkan RTM sebagai media kerajaan yang sama-sama merasa denyut nadi penonton dan pendengar dengan menjalankan program khidmat sosial sepanjang Ramadan al-Mubarak terutama memberi sumbangan kepada anak yatim serta warga desa dan mereka yang memerlukan bantuan.



Pelancaran Program Jelajah Ramadan RTM 2014 di Angkasapuri pada 27 Jun



Pengerusi MADA sambut konvoi Jelajah Ramadan RTM di sempadan Perlis-Kedah, 10 Julai 2014



Timbalan Menteri KKMM dalam program Jelajah Ramadan RTM di Hulu Terengganu, 16 Julai 2014

Selain di Semenanjung, program radio di lokasi turut dilaksanakan di Sabah dan Sarawak. Di Sabah, RTM Tawau mengadakan beberapa program yang tujuan utamanya ialah mengubah persepsi rakyat terhadap isu keselamatan yang berlaku di kawasan ESSZONE dengan meyakinkan bahawa kawasan itu sentiasa dalam keadaan selamat. RTM Tawau juga mengadakan program Semarak Rakyat di daerah Lahad Datu serta program I Want Sihat dan NBOS di daerah Kunak.

RTM Sandakan pula menjalin kerjasama dengan jabatan kerajaan daerah untuk menghasilkan program Yok Mansau-ansau. Program yang pertama kali diadakan itu menggabungkan sukan rakyat, senam sihat dan konsert mini. Dalam pada itu, stesen radio Keningau fm dengan kerjasama Pejabat Daerah Tenom buat julung kalinya menganjurkan pertandingan Mencipta Lagu Kopi sempena Pesta Kopi.

Senario serupa dapat dilihat di Sarawak. Sejak sekian lama, RTM Sarawak telah menjalin kerjasama erat dengan pihak Kerajaan Negeri. Antara program tajaan Kerajaan Negeri Sarawak yang bertahan melebihi dua dekad ialah Bahas Piala Ketua Menteri, Bintang P. Ramlee dan Bintang Kecil. Bintang Kecil melakar sejarah apabila rancangan diubah menjadi program mencungkil bakat format realiti mulai 2013. Rancangan ini membuka peluang yang amat luas kepada kanak-kanak berusia tujuh hingga 11 tahun dari seluruh negara dan juga Brunei Darussalam mengasah bakat dalam bidang seni suara dan seni persembahan.

Berdasarkan kajian dalaman, radio RTM masih menjadi pilihan pendengar terutamanya di Sabah, Sarawak, Pahang dan Labuan. Kajian tersebut yang dibuat oleh Seksyen Dasar dan Penyelidikan RTM melibatkan Nasional FM, Pahang FM, Langkawi FM, Radio Asyik, kumpulan sasar Traxx FM, Sabah V FM dan Labuan FM.



Kajian Maklum Balas Radio Labuanfm di Lokasi Sempena 'Karnival Edidih Badudun Kitani Labuanfm', 11 Oktober 2014



Kajian Maklum Balas Pendengar Radio Langkawifm Dalam Kalangan Penduduk Tempatan, Pelancong Tempatan dan Pelancong Luar Negara, 24-27 April 2014

Radio juga mengeratkan jalinan kerjasama profesional di peringkat antarabangsa melalui kerjasama Budaya Tiga Serumpun RTM-RTB-RRI yang diadakan setiap tahun dengan pengisian aktiviti seperti penerbitan drama dan berbalas pantun. Pelaksanaan program seperti ini dapat memberikan impak yang sangat baik kepada hubungan serantau antara negara berjiran yang juga merupakan anggota ASEAN.

Bahagian TV



Tiga saluran televisyen utama RTM iaitu TV1, TV2 dan TVi menjadi tonggak utama dalam penyampaian maklumat menerusi pelbagai bentuk rancangan untuk audiens sasaran.


TV1 mengutamakan rancangan berbentuk jati diri sementara konsep rancangan di TV2 ialah hiburan berinformasi serta menepati trend audiens daripada pelbagai etnik dan ras. TVi yang ketika ini masih menggunakan platform siaran di ASTRO 180, memberi fokus kepada generasi muda serta jendela bagi maklumat dari Sabah dan Sarawak

Konsep serampang dua mata ketiga-tiga saluran yang menyajikan rancangan bermutu dan berimpak tinggi menjadi wadah membina negara bangsa.


Konsep ini juga menjadi simbiosis untuk menjana pendapatan melalui iklan dan tajaan. Keuntungan disalur semula untuk pembangunan negara secara tidak langsung. Secara purata, TV1 memperoleh pendapatan sebanyak **RM15,609,831.00** manakala TV2 memperoleh **RM36,340,566.54** untuk tahun kewangan 2014.

Kategori rancangan saluran:





Kadar penonton bagi ketiga-tiga saluran amat memberangsangkan pada 2014. Penontonan meningkat dengan kadar antara 5% hingga 10% secara purata bagi ketiga-tiga saluran. Rangsangan daripada rancangan bercorak sukan di TV1, filem-filem 'blockbuster' di TV2 dan gaya hidup serta hiburan remaja di TVi menjadi penyumbang utama.



BAHAGIAN PENERBITAN RANCANGAN

Penyumbang utama kepada rancangan yang disiarkan di ketiga-tiga saluran ialah seksyen penerbitan dalaman yang menghasilkan penerbitan khusus mengikut genre dan 'core business' setiap seksyen. Unit Majalah dan Dokumentari telah menghasilkan 600 rancangan pada 2014 bagi memenuhi 'need statement' saluran, sementara Unit Drama menghasilkan 50 penerbitan drama termasuk 9 telemovie. Bagi mempelbagaikan genre rancangan, Unit Drama telah menerbitkan dua sitkom iaitu Kelas Sebelah dan Mai Chek Mai.

Unit Sukan dan Unit Hiburan pula telah membantu meletakkan saluran di posisi yang baik ADEX dengan pencapaian hebat sukan permotoran, bola

sepak dan kejohanan sukan antarabangsa, sementara konsert serta rancangan hiburan bertaraf antarabangsa menjadi penanda aras industri. Pencapaian paling hebat Unit Sukan ialah penyiaran rancangan “**Rio To Malaysia’ Kejohanan Piala Dunia Brazil 2014**” yang telah mencatatkan penonton tertinggi iaitu sejumlah 2 juta penonton.



RANCANGAN YANG MENDAPAT RATING TERTINGGI

TV1

- Siaran Langsung Bola Sepak Liga Malaysia
- Ketuk-ketuk Ramadan
- Siaran langsung Memori Chow Kit Road 2.0
- Salam Baitullah
- Siaran langsung Konsert Tribute P.Ramlee
- Widuri
 1. Qarin
 2. Syurga Tanpa Cinta
- Panggung Ahad
 1. Di Bawah Tapak Kaki
 2. Aku Bukan Orang Gaji
 3. Walau Siapa Pun Aku
 4. Talkin Di Birai Katil

TV2

- Bollygood
 1. Baadshah
 2. Har Dil Jo Pyar Karega
 3. Kuch Kuch Ho Ta Hai
 4. Dil Hai Tumhara
- Teater Legenda
 1. Nujum Pak Belalang
 2. Bujang Lapok
- Golden Dragon
 1. Fist Of Legend
 2. The Tai Chi Master
- English Blockbuster
 1. Alien Vs Predator
 2. Anaconda

TVi

- Aksi Ikan Malaysia
- DB: Di penghujung Dendam
- The All New Pink Panther Show
- Survival Jenayah
- Kembara 5
- Kreatif TV(UMD)
- Jackie Chan's Fantasia
- TM: Tuah... Satu Aspirasi
- Rahsia Skuba
- Jom Ngail

Tahun 2014 merupakan tahun gemilang bagi penerbitan RTM. Beberapa rancangan telah mendapat anugerah di peringkat nasional dan antarabangsa. Rancangan tersebut ialah:

Bil	Rancangan	Sekyen	Anugerah/ Penganjur	Taraf
1.	Agrotek	UMD	Anugerah Khas Media MAHA anjuran Kementerian Pertanian dan Asas Tani	Nasional
2.	Agro Jurnal	UMD	Dokumentari Terbaik (Malam Media IKIM)	
3.	Demi Waktu Mahani	Unit Drama TV	Anugerah Khas Juri (Tribute P.Ramlee)	
4.	Simfoni Alam (finalis)	UMD	Anugerah Skrin anjuran TV3	
5.	I Got It	UMD	IPST Education Awards dalam Science Film Festival anjuran National Science Europe (Germany)	Antarabangsa

PENERBITAN BERSAMA ANTARABANGSA

Dalam usaha mengangkat martabat penerbitan RTM, pelbagai inisiatif telah diambil termasuk projek penerbitan bersama dengan stesen penyiaran antarabangsa. Melalui pertukaran idea, teknologi penerbitan dan penerokaan subjek baharu yang menjadi pilihan pasaran antarabangsa. Strategi penerbitan bersama ini juga dapat mengurangkan kos penerbitan melalui

perkongsian kos. Pulangan pelaburan yang dijana oleh pasaran domestik dan luar negara dijangka menjadi lebih tinggi.

Rancangan yang diterbitkan bersama stesen luar negara :

Bil	Rancangan	Stesen luar negara	Penganjur
1.	I Got It	VTV, Thai PBS, CBN, RTB, TVRI, VTV, Cambodia TV	Goethe Institute, Bangkok, Thailand
2.	Digista Teens	NBT, VTV, Bhutan Broadcasting Station, Cambodia TV, RTB	NHK Jepun
3.	1Asia Documentary	Mainachi Production Tokyo	MIC Japan/ABU
4.	CARE siri 5	VTV, KBS, NHK, CCTV	ABU



Kerjasama penerbit UMD dengan pihak ABU – penggambaran 1Asia Documentary Project di Jepun



Penggambaran program Panorama di Kyoto



Kru penerbitan program Syahadah di Perth, Australia

DANA INSENTIF INDUSTRI KREATIF NEGARA 2014

Pada tahun 2014, bayaran insentif sebanyak RM 1,179,780.00 telah diagihkan kepada 94 pengkarya / penggiat kandungan kreatif (rancangan TV) yang layak berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan. Program yang dipilih menepati syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Jawatankuasa Projek Dana Industri Kreatif bawah Jabatan Penyiaran Malaysia.

Bahagian Operasi Penyiaran

Bahagian Operasi Penyiaran menggalas tugas yang amat mencabar dalam pelaksanaan proses migrasi ke teknologi digital yang dijadualkan berlangsung sepenuhnya pada tahun 2018. Fasiliti serta keseluruhan sistem penyiaran perlu diselaras serta dinaik taraf mengikut sistem digital terkini. Proses bermula daripada penyediaan peralatan berteknologi tinggi untuk penerbitan rancangan hingga ke proses terakhir penyiaran sama ada melalui satelit bumi atau di 80 buah stesen pemancar di seluruh negara.

Selain berfungsi memberikan perkhidmatan sokongan dalam penerbitan dan siaran untuk TV dan Radio, Bahagian Operasi Penyiaran juga berperanan dalam merancang projek-projek jabatan. Berikut antara projek besar yang telah dicapai dan yang sedang dirancang.

1. Tiga Projek Pembangunan telah disiapkan pada tahun 2014:

i) Pendigitalan Studio Penerbitan TV

Satu set fasiliti penerbitan TV Digital berdefinisi tinggi (HD) di Studio Rakaman TV di RTM Kota Kinabalu telah disiapkan. Fasiliti penerbitan dan rakaman TV berformatkan HD ini meliputi pemasangan peralatan Studio TV lima kamera yang lengkap dengan sistem audio dan sistem video berpusat. Studio TV HD ini telah mula diguna pakai oleh RTM Kota Kinabalu, terutama bagi lintas langsung program berita setiap hari pada waktu pagi dan petang.



Production Gallery



Fasiliti Video Tape Recorder (VTR)



Audio Room



Central Apparatus Room (CAR)

ii) Perluasan Siaran Radio

Tahun 2014 menyaksikan siaran radio diperluas ke tujuh lagi kawasan dengan pemasangan pemancar FM berkuasa 500W melalui projek Fasa 1 bagi Sistem Pemancar FM Gap Filler. Enam negeri terlibat dalam projek perluasan siaran radio kali ini iaitu Sarawak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Perak dan Johor. Lokasi terperinci pemancar bagi setiap rangkaian radio FM serta kawasan liputan yang terlibat adalah seperti berikut :

LOKASI PEMANCAR	RANGKAIAN	KAWASAN LIPUTAN
1. Bukit TT844, Miri, Sarawak	NasionalFM & MiriFM	Suai dan Niah Sarawak
2. Felda Paloh, Kelantan	NasionalFM & KelantanFM	Felda Paloh Kelantan
3. Bkt Kemuning, Cukai, Terengganu	TerengganuFM	Bandar Chukai, Ayer Putih, Cheneh, Kijal, Kemaman Terengganu
4. Bukit Sulai, Kuantan, Pahang	NasionalFM, PahangFM & AsyikFM	Gambang dan Sri Jaya Pahang
5. Kg Damak, Pahang	NasionalFM, PahangFM & AsyikFM	Kg Damak Pahang dan perkampungan orang asli sekitarnya
6. Lenggong, Perak	NasionalFM, PerakFM & AsyikFM	Lenggong Perak
7. Sedili, Johor	NasionalFM & JohorFM	Kuala Sedili, Sedili Kecil, Sedili Besar, Tanjung Sedili Johor

iii)Pendigitalan Sistem Arkib Audio Visual

Sistem arkib audio visual digital sedia ada di Wisma TV telah diperluas ke Wisma Berita dan Wisma Radio. Projek ini juga menyaksikan pemasangan sistem digital arkib bagi gambar pegun dan skor muzik. Pengguna kini boleh mencapai data-data arkib audio dan visual yang terdapat di perpustakaan radio dan TV serta Berita, juga gambar-gambar pegun dan skor muzik yang terdapat di Unit

Foto dan di Bahagian Perkhidmatan Muzik dengan menggunakan sistem capaian web yang sama. Data-data arkib sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa.

2. Bahagian Operasi Penyiaran telah memulakan peralihan aliran kerja daripada persekitaran tradisional berasaskan pita (*Tape-based*) kepada *File-based* yang berasaskan infrastruktur IT. Antara penerbitan dan siaran TV yang telah dibuat menggunakan aliran kerja file based ini ialah:
 - i) SUKMA Perlis 2014 (Format SD)
 - ii) FIFA World Cup 2014 (Format HD)
 - iii) Commonwealth Games 2014 (Format HD)
 - iv) Liputan Persidangan UMNO
 - v) Technical QC, Transmission & Archiving
3. Untuk Pendigitalan TV, RTM merancang mewujudkan perkhidmatan tujuh saluran multichannel. Jabatan telah mengadakan perbincangan bersama-sama MyTV bagi persediaan dari segi sistem play-out dan kadar caj. Perbincangan juga telah diadakan dengan stesen-stesen swasta bagi merancang promosi mengenai siaran TV digital yang dijangka dilancarkan pada Januari 2016.
4. Bagi Projek Media City, Syarikat Media City telah menyiapkan kerja awalan pemasangan kabel fibre menggantikan talian kabel fibre sedia ada. Di samping itu perancangan berterusan dilaksanakan seperti mengadakan beberapa siri bengkel (*proof of concept*) bersama-sama pengguna bagi mengenal pasti sistem yang bersesuaian dan terbaik yang akan dibekalkan.



PEMBANGUNAN STRATEGIK

Antara penggerak utama Jabatan Penyiaran Malaysia ialah Bahagian Pembangunan Strategik yang diwujudkan pada tahun 2009 bagi memantau dan memberi respons kepada perubahan persekitaran yang dinamik ekoran persaingan daripada stesen-stesen penyiaran swasta. Bahagian Pembangunan Strategik terdiri daripada 5 seksyen / bahagian iaitu :

1. Bahagian Media Digital Interaktif
2. Seksyen Perancangan Strategik
3. Seksyen Dasar dan Penyelidikan
4. Seksyen Kandungan Program
5. Seksyen Perhubungan Antarabangsa

Bagi memantapkan lagi barisan personaliti RTM, Unit Pengurusan Bakat (UPB) telah ditubuhkan pada Julai 2014 di bawah Seksyen Perancangan Strategik. Antara fungsi utamanya ialah membantu meningkatkan kualiti persembahan personaliti radio dan TV termasuk apa yang dipaparkan di media baharu. Secara universal pengurusan bakat dikenali sebagai pengawal atur kepada kumpulan bakat sedia ada. Namun, UPB juga berperanan mengenal pasti bakat-bakat baharu yang berpotensi untuk dilatih. Persembahan mereka dipantau dan pencapaian diukur menerusi kaji selidik dalaman. Secara umumnya gaya persembahan dan sahsiah serta penampilan personaliti RTM kini semakin kemas dan menarik.



Sesi uji bakat sempena Kanival Kerjaya Universiti Malaya



Menteri Belia dan Sukan melawat *booth* RTM untuk menyaksikan sesi uji bakat



Sebahagian peserta yang menunggu giliran

Selain kualiti persembahan personaliti, RTM juga memberi penekanan terhadap reka bentuk set dan grafik dalam meningkatkan lagi mutu persembahan rancangan dan berita. Pereka Set (Berita) dan Pereka Grafik (Berita) telah mula menggunakan Sistem WASP3D bagi menghasilkan rekaan 3D dan 2D untuk program-program RTM, terutamanya yang bersiaran secara langsung. Penggunaan Sistem WASP3D yang melibatkan *drone design* adalah lebih mudah dan cepat.

Bagi memulihara bahan khazanah audio visual RTM, proses restorasi bahan kandungan analog dan menyalin semula ke format digital telah bermula padai tahun 2013 dan selesai pada 7 April 2014. Sebanyak 11,250 bahan dalam bentuk Betacam SP, Format C, pring hitam dan pita audio berjaya direstorasi bagi menjaga kualiti dan kebolegunaan pada masa hadapan. Pada keseluruhannya, sebanyak 8,389 bahan video dan 5,064 unit lagu telah disimpan dalam arkib Pusat Sumber Penyiaran. Sebagai persediaan menghadapi era pendigitalan, sistem arkib digital telah dinaik taraf melibatkan Perpustakaan Berita TV, Perpustakaan Foto, Rakam Khanah P. Ramlee dan Unit Perkhidmatan Muzik. Pusat Sumber Penyiaran juga telah memuat naik sebanyak 706 bahan video ke **Digital Asset Management System MYCC4dWorld** untuk tujuan jualan bawah Projek NKEA-CCI yang dikendalikan oleh Filem Negara Malaysia (FINAS).



Lawatan Menteri KKMM, Dato Seri Ahmad Shabery Cheek ke Perpustakaan TV pada 20.3.2014



Lawatan oleh Delegasi dari Islamic Republic of Iran Broadcasting (IRIB) ke Perpustakaan TV

PENGIKTIRAFAN LIMA BINTANG

Jabatan Penyiaran Malaysia telah mendapat pengiktirafan 5 Bintang untuk tiga tahun berturut-turut daripada MSC Malaysia, ProBE, MDEC dan MAMPU menerusi laman sesawang rasmi RTM (www.rtm.gov.my). Portal rasmi ini dibangunkan dan dikemas kini oleh Seksyen RTM Online.

Bahagian Khidmat Pengurusan

SUMBER MANUSIA

4,697 perjawatan diperuntukkan kepada Jabatan Penyiaran Malaysia melalui Waran Perjawatan K100. Nisbah peruntukan ialah 1,872 perjawatan (39.86%) bagi Skim Bakat dan Seni, 1,533 perjawatan (32.34%) Skim Kejuruteraan dan 1,292 perjawatan (27.51%) Skim Gunasama. Jumlah yang telah diisi ialah 4,149 perjawatan (88.3%).

Bagi tahun 2014, Seksyen Sumber Manusia telah diperuntukkan sebanyak RM2.3 juta bagi menjalankan kursus dan latihan yang sesuai dengan pembangunan modal insan di Jabatan ini. 180 kursus / latihan dijalankan sepanjang tahun merangkumi 73 kursus / latihan berbentuk fungsional dan 107 kursus / latihan berbentuk generik.

HRMIS

Sehingga 31 Disember 2014, RTM telah mencapai sasaran hampir 100 peratus dalam setiap modul iaitu Maklumat Profil Perkhidmatan dan Rekod Peribadi Kakitangan, Data Perjawatan, Perisytiharan Harta, Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan (LNPT).

KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Sehingga 31 Disember 2014, Prestasi Perbelanjaan Dasar Sedia Ada bagi Jabatan Penyiaran ialah **99.12%** berjumlah **RM661,492,864.69** dan baki peruntukan ialah **RM5,847,435.31**. Pecahan prestasi perbelanjaan bagi Aktiviti Rancangan ialah 99.01% (RM485,005,866.07), Aktiviti Operasi Penyiaran 99.02% (RM136,082,314.42) manakala bagi Aktiviti Khidmat Pengurusan ialah 100.94% (RM40,404,684.20).

Bagi tahun 2014, sebanyak 94 permohonan telah diterima bagi perolehan. Secara tender 8 permohonan, rundingan terus 11 permohonan dan sebut harga yang bernilai melebihi RM50,000.00 sebanyak 75 permohonan. Sebanyak 76 permohonan (80.85%) telah diselesaikan iaitu 4 tender, 8 rundingan terus dan 64 sebut harga dengan nilai kontrak berjumlah RM34,498,662.93. Secara ringkas, prestasi pencapaian bagi perolehan adalah seperti berikut:

Jenis Perolehan	Dalam Proses	Tangguh/Batal	Selesai	Keseluruhan	
				Bilangan	RM
Tender	0	4	4	8	13,049,288.95
Rundingan Terus	3	0	8	11	5,671,685.80
Sebut Harga	0	11	64	75	15,777,688.18
Jumlah	3	15	76	94	34,498,662.93

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 253 harta modal telah didaftarkan dengan jumlah harta modal sehingga kini mencecah 20,842.

PENCAPAIAN RTM 2014

2014 menyaksikan pelbagai kejayaan yang amat memberangsangkan sekali gus menyumbang kepada prestasi Jabatan Penyiaran secara keseluruhannya. Indeks pencapaian telah meningkat sebanyak 20% berbanding 2013. Ini merupakan satu penanda aras yang baik. Pencapaian pelaksanaan aktiviti Jabatan pada tahun 2014 di peringkat domestik dan antarabangsa dapat dilihat seperti berikut :

Bil	Aktiviti/Anugerah /Projek	Peringkat pencapaian
1.	ASIAVISION MONTHLY AWARD FOR MARCH 2014 (Malaysia Airlines Flight MH370 Goes Missing)	ASEAN

2.	<p>ANUGERAH KEWARTAWANAN MEDIA TV (Anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi (KPDNKK): Tempat Pertama dalam rancangan Hak Kita Suara Kita)</p>	Nasional
3.	<p>PERTANDINGAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PERINGKAT KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)</p> <p><u>Kategori Teknikal:</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan Elektron RTM Sabah – Johan • Kumpulan Evolusi RTM Perak – Naib Johan • Kumpulan Optik RTM Sarawak - Tempat Ketiga <p><u>Kategori Pengurusan</u></p> <ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan OMR dari Bahagian Program Radio, RTM ibu pejabat - Naib Johan • Kumpulan Face It dari Seksyen Media Teknologi Aplikasi & RTM Online, RTM ibu pejabat – tempat ke-3 	Kementerian
	<p>PERTANDINGAN INOVASI TERBAIK KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM)</p> <p>Johan - Kumpulan Repcon, RTM Pahang Naib Johan - Kumpulan Evolusi, RTM Perak</p>	Kementerian
4.	<p>PERTANDINGAN BINTANG RADIO ASEAN Anjuran Stesen Radio Republik Indonesia, di Kupang Indonesia: Norshima Kadir (Radio Klasik) menjadi Juara Kategori Wanita sementara Tuan Izzatt Tuan Aziz menjadi Naib Johan Kategori Lelaki</p>	ASEAN

5.	<p>PERTANDINGAN PANTUN 3 PENJURU (DBP/DBKL/RTM) (Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka/ Dewan Bandar raya Kuala Lumpur/RTM: Radio Klasik menjuarai pertandingan pantun 3 penjurua sempena sambutan Bulan Bahasa Kebangsaan)</p>	Nasional
6.	<p>ANUGERAH HRMIS TERBAIK (Anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia: RTM mendapat anugerah tersebut dalam tahun 2014)</p>	Nasional
7.	<p>WORLD SUMMIT ON MEDIA FOR CHILDREN (WSMC) 2014 RTM diberi penghormatan untuk menjadi tuan rumah bagi penganjuran WSMC yang berprestij dan bertaraf dunia pada 8 hingga 10 September 2014 lalu</p>	Antarabangsa
8.	<p><i>A night with Romanian National Radio Orchestra (Romania)</i> Gabungan Orkestra RTM dan Orkestra Romania di Dewan Philharmonic Petronas</p>	Antarabangsa
9.	<p>Persekitaran Berkualiti (QE/5S) JABATAN PENYIARAN MALAYSIA</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pensijilan pertama - 27 Mac 2012 hingga 26 Mac 2013 • Pensijilan kedua - 21 Jun 2013 hingga 20 Jun 2014 • Pensijilan ketiga – 2 Disember 2013 Hingga 1 Disember 2014 	Antarabangsa
10.	<p>Tempat pertama Kenyalang Shell Press Awards 2014 dalam kategori Environmental News Award (Broadcasting)</p>	Negeri Sarawak

**WORLD SUMMIT ON MEDIA FOR CHILDREN (WSMC), 8-10 SEPTEMBER
2014 DI HOTEL ROYALE CHULAN, KUALA LUMPUR**



Datin Seri Rosmah Mansor merasmikan WSMC 2014, Kuala Lumpur



PENSIJILAN 5S



Certificate of Achievement

Malaysia Productivity Corporation hereby certifies that


JABATAN PENYIARAN MALAYSIA
Angkasapuri
50614 KUALA LUMPUR



has implemented the standard requirements
of Quality Environment Management System

Issue Date : 2 December 2014
Expiry Date : 1 December 2015
Certification No. : AC 5012




(Dato' Mohd. Razali Hussain)
Director-General
Malaysia Productivity Corporation



*The Organisation agrees to maintain its Quality Environment Management System and use the
Approved Certificate in accordance with the Standard Requirements.*

Sijil 5S Jabatan Penyiaran Malaysia



Sekitar Audit Pematuhan oleh MPC

KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KKMM 2014



TKSU KKMM (Dasar) merasmikan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) 2014 di Finas, 12-13 November



Barisan Panel Penilai



Penyampaian hadiah Kategori Teknikal



Penyampaian hadiah Kategori Pengurusan

PERTANDINGAN INOVASI TERBAIK KEMENTERIAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (KKMM) DI WISMA BERNAMA, 16 OKTOBER



Kumpulan Repron dari RTM Pahang membuat perbentangan



Penyampaian hadiah